

BAB V: RUMUSAN DAN MASA HADAPAN

PENDIDIKAN MATA PELAJARAN ALIRAN SASTERA

Setelah kita menilai dan meneliti mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM daripada berbagai-bagai aspek seperti kandungan sukanan pelajarannya, genre yang diketengahkan, kertas peperiksaan yang ditawarkan, analisis keputusan peperiksaannya, format peperiksaannya, teks yang dikaji, prestasi calon, respon calon, pandangan pakar-pakar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, guru-guru, para pelajar sendiri, penilaian terhadap Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu(922), dan juga keberkesanan pengajaran-pembelajarannya terhadap domain kognitif, afektif, dan psikomotor; bab ini akan memberikan satu rumusan menyeluruh hasil dapatan yang diperolehi dengan mengemukakan penilaian tentang pendidikan mata pelajaran aliran Sastera amnya dan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu khususnya dari segi kerjaya dan futuristiknya. Untuk itu, kita lihat dahulu satu senario di bawah:

- “Bapa: Macam-mana keputusan PMR kau?
- Anak: Alhamdulillah, ayah. Saya dapat 6 A1 untuk mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Geografi, dan Sejarah. Manakala mata pelajaran Perdagangan, Lukisan, dan Pendidikan Islam hanya C3, ayah.
- Bapa: Apakah aliran yang engkau ingin ambil di Tingkatan 4?
- Anak: Saya bercadang untuk ambil aliran Sastera, ayah?
- Bapa: Sastera?

- Anak: Ya, ayah. Sebab saya ingin terus mendalami salah satu mata pelajarannya yang mempunyai Sajak iaitu Kesusteraan Melayu. Manalah tahu dapat saya menjadi seorang sasterawan yang berbakat kelak.
- Bapa: Tak usah. Engkau ambil sahaja aliran Sains, esok-esok boleh jadi doktor atau jurutera!”.

Apakah senario yang ingin dikemukakan? Tentulah senario ini banyak terjadi daripada kalangan kita malah tempelakkan bapa tadi mahu anaknya menjadi doktor atau jurutera membuktikan kepercayaan pendidikan aliran Sains akan menyebabkan anaknya boleh menjawat jawatan tinggi dengan pendapatan yang lumayan, bukannya pendidikan daripada aliran Sastera. Adakah ini benar? Apakah kayu ukurnya? Adakah ukuran material satu ukuran nilai yang sesuai? Tentulah hal ini boleh dipertikaikan kerana banyak faktor yang perlu diambil kira.

Pandangan Masyarakat Terhadap Pendidikan Aliran Sastera Di Malaysia

Cerita di atas memberi satu senario, bahawa realiti hari ini di Malaysia rata-rata masyarakat beranggapan mata-mata pelajaran dalam pendidikan aliran Sastera kurang penting jika dibandingkan dengan pendidikan aliran Sains. Hal ini terbawa-bawa dalam memilih kerjaya untuk masa hadapan seseorang pelajar dan generasi demi generasi diserapkan akan hal betapa nilai material itu sangat penting dengan mengambil aliran Sains (Ibrahim Saad, 1990:130-131) kerana akan menjawat jawatan yang lebih mulia dan bergaji besar.

Analogi mereka juga mudah kerana mata pelajaran dalam pendidikan aliran Sains itu jauh lebih sukar jika dibandingkan dengan mata pelajaran dalam pendidikan aliran Sastera. Secara kasar, kita akui kebenarannya tetapi jika ukuran itu didasarkan untuk 'lulus semata-mata'!

Jika kita membuat ukuran untuk menjadi cemerlang dalam ilmu yang dituntut perkiraan antara pendidikan aliran Sains dan Sastera dikira 'sama dan seimbang' kerana setiap mata pelajaran mempunyai keunikan masing-masing.(Teh Yik Koon,1998:7) Malah, jika kita utarakan beberapa konsep dalam mata pelajaran aliran Sastera atau lebih khusus mata pelajaran Kesusasteraan Melayu seperti 'citra', 'arus kesedaran', 'onomatopia' dan lain-lain lagi tentunya 'melopong' juga pelajar pendidikan aliran Sains untuk memberikan satu-satu jawapan yang jitu begitu jugalah sebaliknya.

Rata-rata keadaan menjadi sedemikian dan seolah-olah diiktiraf pula oleh masyarakat setempat adalah kerana pemerintah sendiri(Hassan Ibrahim,1973:114) telah meletakkan syarat asas dan pembahagian gaji yang sedemikian rupa berdasarkan kayu ukur yang telah ditinggalkan oleh penjajah dahulu. Sedangkan di negara penjajah sendiri, kalangan guru mahu pun kaki tangan kerajaannya telah dibayar pendapatan jauh mengatasinya kita di sini bahkan mereka sendiri gembira kerana ia setimpal dan mempunyai daya saing dengan sektor swasta di negara mereka. Maka itu, kita jarang mendengar kakitangan kerajaan di negara-negara barat mahu pun Jepun berpiket. Kita hanya mendengar pekerja-pekerja kilang dan sektor swasta mereka sahaja yang berpiket. Tetapi berlainan di Malaysia, kaki tangan kerajaanlah yang paling kerap mengancam hendak

berpiket. Satu yang kontras dengan apa yang berlaku di negara-negara luar yang dikira negara maju. Tentunya ini berpunca dan sebabnya pastilah kita harus kembali kepada asalnya iaitu sikap pemerintah sendiri.

Namun demikian, apa yang ketara kebanyakkan pelajar setelah lulus daripada peperiksaan awam, mereka sendiri telah diarahkan memasuki kelas yang tertentu dan di arah mengikuti kursus itu dan ini yang tidak sesuai baginya sama ada dari segi keupayaan, aptitud, atau minat, dan akhirnya boleh mendatangkan bencana kepada individu yang berkenaan dan kepada masyarakat.(Francis H.K. Wong,1977:16) Tentu ini juga memberi kesan dalam pilihan kerjaya mereka kelak!

Jadi, persoalan pilihan dalam pendidikan aliran Sains, Teknik, atau Sastera seolah-olah sudah ada campur tangan oleh pihak kerajaan sehingga apabila tiba keputusan peperiksaan awam, perletakan pendidikan ini semacam sudah direncanakan mengikut kuota, mata merit, ras, dan tahap pencapaian akademik. Malah, ada pula yang boleh merayu untuk memasuki aliran pendidikan yang dikehendaki jika penetapan itu dirasakan tidak memuaskan hati ibu bapa dan pelajar itu sendiri. Sudah pasti, akhirnya ramai ibu bapa dan juga di kalangan para pelajar yang tidak mengerti kenapa mereka harus mempelajari sesuatu mata pelajaran itu lantas memilih aliran yang dirasakan mendatangkan manfaat ekonomi yang besar kepada mereka seperti doktor, jurutera, arkitek, juruanalisa sistem, akauntan, usahawan, dan lain-lain lagi yang didakwa banyak berada pada aliran Sains atau Teknik.

Apa akan terjadi dengan pendidikan aliran Sastera, adakah ia aliran kelas 'dua' atau 'tiga'? Mulalah timbul *inferiority complex* kepada pelajar mahu pun ibu bapa yang anak-anak mereka berada dalam aliran tersebut. Mereka mula terasa terpinggir, tidak diindahkan, dan dianggap kurang penting.(Atan Long,1988:326) Ini dibuktikan lagi apabila rakan-rakan mereka sewaktu menunggu keputusan peperiksaan awam boleh menjawat jawatan kerani bank, operator komputer, dan juru wang di gedung membeli-belah tetapi yang aliran Sastera setakat juru jual, pembersih bangunan, operator pam minyak, dan pelayan di restoran-restoran makanan segera. Bukanlah hina semua pekerjaan di atas, tetapi sekadar ingin menunjukkan bahawa pendapatan daripada pelajar berkenaan tidak dapat diagih sama rata atas faktor pengalaman mereka menuntut ilmu di sekolah. Di satu aliran, mereka dibayar lebih baik, suasana kerja yang selesa, dan diberi pengiktirafan. Manakala di pihak lain, pendapatannya kurang, rasa tidak penting, dan dipandang agak kurang enak. Jadi, bagaimanakah kedudukan mata pelajaran aliran Sastera khususnya mata pelajaran Kesusasteraan Melayu akhirnya jika situasi sedemikian masih kuat berakar umbi dalam masyarakat kita dan ke manakah arah pilihan kerjaya mereka ini di masa hadapan? Adakah mata pelajaran daripada aliran Sastera ini seperti mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mempunyai nilai komersialnya? Banyakkah sumbangan mata pelajaran ini untuk kerjaya mereka?

Secara ringkas, dalam Kamus Dewan(1986:561), kerjaya didefinisikan sebagai penglibatan yang berterusan serta perkembangan dan kemajuan seseorang di dalam sesuatu lapangan, profesion, kegiatan, dan sebagainya iaitu lazimnya sebagai cara mencari kehidupan. Manakala dalam Kamus Dwi-Bahasa(1979:166), menyatakan

kerjaya itu adalah cara mendapatkan nafkah hidup atau pekerjaan dan ia terbuka kepada lelaki dan juga perempuan.

Persoalan kini, tukuhkah pelajar makna sebenar kerjaya ini dalam kamus hidup mereka? Pelajar yang secara rutin bangun pagi ialah ke sekolah dan hujung minggu bercuti. Pernahkah mereka tahu apakah matlamat pendidikan seperti dalam aliran sastera itu dikemukakan? Kenapakah ia mempunyai matlamat atau setakat diada-adakan sahaja untuk memenuhi kurikulum pendidikan? Kenapa ia dikemukakan, jika masa hadapan kerjaya pelajar sering dimomok-momokkan? Apakah pula kaitannya dengan kerjaya dan masa hadapan pelajar itu sendiri? Untuk mengupas ini, kita harus lihat sendiri matlamat pendidikan aliran sastera itu dahulu.

Matlamat Pendidikan Aliran Sastera

Hari ini Falsafah Pendidikan Negara(FPN) sudah dizahirkan berserta dengan matlamatnya. Menurut Ngui Kuan Sang, 1993,(dalam Zaharah Hussin,1998:3) matlamat pendidikan aliran Sastera di Malaysia mempunyai persamaan dengan kurikulum Sains Sosial di Amerika sendiri lalu beliau merumuskan tiga aspek penting iaitu:

- (i) Penghasilan warga negara yang berkualiti:
 - (a) Memahami ideologi negara
 - (b) Individu yang seimbang dan bertanggungjawab

- (ii) Pembinaan bangsa:
 - (a) Bangsa progresif dan maju
 - (b) Penggunaan sumber manusia untuk modenisasi
- (iii) Penyatuan kebangsaan:
 - (a) Bangsa harmonis
 - (b) Bangsa teguh dan bersatu

Zaharah Hussin(1998:6-10); dalam kertas kerjanya "Konsep Kesepaduan 'Inter' Dalam Pendidikan Sains Sosial" hampir sepandapat dengan Ngu Kuan Sang(1993); dengan menggariskan matlamat pendidikan aliran Sastera di Malaysia dengan mengambil kira objektif yang telah ditetapkan oleh Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah(KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah(KBSM) kepada empat aspek penting iaitu:

- (i) Bangsa yang progresif
- (ii) Warganegara berperibadi mulia
- (iii) Penyatuan bangsa dan
- (iv) Individu yang seimbang

Malah, salah satu matlamat pendidikan dan latihan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80) ialah untuk memperkuatkannya sistem pendidikan bagi menggalakkan integrasi dan perpaduan nasional melalui pembangunan personaliti, keperibadian, dan kewarganegaraan yang baik dan penggalakan disiplin moral melalui kurikulum dan aktiviti luar kurikulum(Sufean Hussin, 1993: 145). Rancangan Malaysia Keenam (1991-95) pula bertujuan bukan sahaja untuk melengkapkan individu dengan

pengetahuan dan kemahiran yang sesuai tetapi juga untuk menghasilkan warganegara yang bertanggungjawab dengan nilai-nilai moral dan etika yang kukuh. (Falsafah Pendidikan Negara,1990:22-24) Ini adalah sebahagian daripada perluasan dan pemberian program pendidikan dan latihan. Malah, diakui dalam ciri-ciri Wawasan 2020 bahawa pembangunan sumber tenaga manusia banyak bergantung kepada perubahan nilai dan sikap di kalangan penduduknya. Nilai-nilai yang dikongsi bersama akan membantu pemupukan budaya dan pembinaan bangsa.(Jurij Hj. Jalaludin, 1991:83). Jelas betapa pentingnya nilai itu dipupuk. Kita juga sudah menerangkan bahawa matlamat pendidikan mata pelajaran Kesuasteraan Melayu itu sendiri akhirnya ialah untuk generasi masa hadapan mempunyai kebulatan jiwa manusia supaya biar apa kegiatannya dalam hidup dia merasakan derita orang, menitiskan air mata pada detik-detik kepayahan orang, dan mempertimbangkan peristiwa laku manusia berdasarkan keperimanusiaan dan keadilan.

Ternyata, kemoralan, akhlak, dan insan yang seimbang berlegar sebagai destinasi akhirnya. Ini tidak mudah kerana ia menyentuh hal-hal kejiwaan dan domain afektif serta matlamatnya untuk jangka masa panjang bukan serta-merta. Bererti kerjaya utamanya nilai diri insan bukan ukuran material atau komersial! Namun, pembuatan keputusan, perancangan, dan pelaksanaan nampaknya telah dijalankan oleh kerajaan. Ibu bapa hanya penyambung penentuan pendidikan itu dan pasti berpendapat ia adalah yang terbaik untuk anak-anak mereka. Walau bagaimana pun, di pihak yang satu lagi, apakah yang diketahui oleh pelajar itu sendiri tentang tujuan pendidikan selain terpaksa pergi ke sekolah setiap hari? Para pelajar tidak mengetahui sebarang keputusan yang penting

tentang program pendidikan. Begitu juga perkara ini tidak dirunding bersama-sama mereka.

Kita akur, memang dalam kurikulum pengajian kita di Malaysia tidak dinyatakan secara eksplisit perihal ini tetapi ia ternyata diharapkan dapat mencirikan generasi yang lebih bersifat kemanusiaan, beretika, dan bertanggungjawab.

Hal ini memerlukan pemupukan yang mendalam menyentuh perasaan, hati, naluri, emosi, rohani, dan hal-hal yang tersirat iaitu berbalik kepada domain afektif.(Mokhtar Ismail,1990: 63) Pastinya, ia sukar terlaksana hanya untuk jangka masa pendek tetapi harus bertolak daripada kehidupan dalam keluarga itu sendiri. Lantas, tentulah ia tercermin dalam mata-mata pelajaran yang ditawar dan diajar di sekolah khususnya Kesusasteraan Melayu. Yang jelas, pendidikan aliran Sastera ialah disiplin akademik yang mempersoalkan tentang kemanusiaan dalam konteks sosialnya atau mempengaruhi kehidupan sosial atau lebih tepat mempelajari pola tingkah-laku yang lazim ada pada kelompok-kelompok manusia. Namun, tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mempelajari hal-hal manusia dan hubungannya dengan masyarakat keseluruhannya kerana disiplin aliran Sastera itu merupakan satu bidang pengkajian yang begitu luas dan juga kompleks.(Rohana Yusof,1997:4) Apakah mata-mata pelajaran dalam pendidikan aliran Sastera ini?

Mata Pelajaran Pendidikan Dalam Aliran Sastera

Mata pelajaran pendidikan dalam aliran Sastera terdiri daripada mata-mata pelajaran berikut:

- (a) Mata pelajaran bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, dan lain-lain lagi
- (b) Pengajian Am (j) Kesusasteraan Melayu
- (c) Sejarah (k) Lukisan
- (e) Geografi (l) Pendidikan Islam
- (f) Ekonomi (m) Syariah
- (g) Perdagangan (n) Usuluddin
- (h) Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (o) Pendidikan Moral
- (i) Kesusasteraan Inggeris

Ini adalah mata-mata pelajaran yang ditawarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan di peringkat sekolah. Manakala di universiti, ada Fakulti yang mengabungkan Jabatan Sastera sebagai Sains Sosial bersamaan Jabatan Kemanusiaan dan Kemasyarakatannya seperti di Universiti Malaya(UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM) tetapi ada juga yang mengasingkannya kepada dua Jabatan seperti di Universiti Sains Malaysia(USM). Namun demikian, mata-mata pelajaran lain yang ditawarkan di peringkat universiti agak lebih luas cakupannya seperti

- (a) Antropologi
- (b) Sosiologi
- (c) Sains Politik

- (d) Persuratan/Pengajian Melayu(meliputi aspek Kesusasteraan, Budaya, Adat-resam, Muzik, Artifak, dan Tarian Melayu)
- (e) Komunikasi, dan
- (f) Psikologi

Ternyata, pilihan kerjaya untuk mata-mata pelajaran pendidikan aliran Sastera ini harus dilihat di konteks akhirnya kerana selain menimba ilmu banyak peluang kerjaya yang boleh disandar dan diharapkan. Bagaimana pula sambutan pelajar sendiri dalam kerjaya mereka di masa hadapan?

Pilihan Sektor Pekerjaan

Menurut Ibrahim Abu Shah(1995:126), sambutan pelajar terhadap kerjaya masa hadapan mereka dapat digariskan kepada dua iaitu cita-cita pertama dan keduanya seperti dalam **Jadual 11** di bawah. Persoalan kini cerahkan masa hadapan kerjaya aliran pendidikan Sastera?

Jadual 11

Cita-cita Pertama Dan Kedua Dalam Pilihan Sektor Pekerjaan Di Kalangan Pelajar

Susunan	Cita-cita pertama	Cita-cita kedua
1	Doktor	Akauntan
2	Jurutera	Arkitek
3	Akauntan	Pengurus Bank
4	Peguam	Pensyarah
5	Arkitek	Jurutera

6	Juruanalisa	
	Sistem	Usahawan
7	Pensyarah	Guru
8	Usahawan	Arkitek
9	Guru	Pegawai Kerajaan
10	Polis	Askar

Untuk menjawabnya; penilaian dan penelitian pengkaji mendapati, masa hadapan aliran pendidikan Sastera dan kerjayanya di masa hadapan dapat dirumuskan bergantung kepada tiga aspek penting iaitu:

- (i) Dasar Pemerintah,
- (ii) Kehendak Keluarga, dan
- (iii) Masa Hadapan Ekonomi Negara.

Dasar Pemerintah

Dasar pemerintah ini boleh pula didasarkan kepada lima faktor iaitu:

- (a) Kurikulum yang digubal,
- (b) Hasil generasi yang dikehendaki,
- (c) Keperluan sektor yang hendak dipenuhi,
- (d) Lunjuran yang dianggarkan, dan
- (e) Tawaran oleh pihak universiti.

Pertama, dari segi kurikulum yang digubal. Ke arah mana Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM) ingin membawa aliran pendidikan Sastera? Jika dasar KPM memandang serius tentang perlunya aliran pendidikan Sastera ini seperti hasrat mencapai matlamatnya, KPM akan memperbaiki dan membaik pulih kurikulumnya dari semasa ke semasa. Sudah pasti juga, mereka akan meneliti kandungan dan buku-buku yang akan digunakan. Secara tak langsung, KPM telah memberikan galakan agar aliran pendidikan dalam aliran Sastera ini terus subur dan berkembang dengan maju. Mereka akan mewajibkan mata pelajarannya yang tertentu, agar semua pelajar mesti mengambilnya seperti contoh matapelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Sejarah, dan Kesusteraan Melayu. Maka itu, matlamatnya pasti tercapai. Jika sebaliknya, mata pelajaran aliran pendidikan Sastera boleh sahaja dibiarkan seperti dahulu dan akhirnya tenggelam kerana menerima persaingan yang hebat daripada mata pelajaran Sains.

Kedua, masih tertakluk kepada dasar pemerintah iaitu wawasan yang ingin dibawa untuk generasi akan datang. Adakah ingin menghasilkan ramai yang berilmu dan profesional atau ingin melahirkan insan yang berilmu dan berakhhlak mulia? Semuanya tertakluk kepada misi KPM, maka itu kakitangan yang lahir hari ini ada yang bermoral tinggi dan ada yang tidak. Maka itu kita sering mendengar, kakitangan berilmu tinggi dalam perakaunan dan perbankan tetapi menggunakan kepandaianya mencuri wang di Mesin "Teller"(ATM), menukar laporan akaun, dan menipu dalam jual-beli saham. Begitu juga saintis yang mereka cipta sesuatu di luar lumrah iaitu membuat klon manusia, juru teknik atau jurutera-jurutera yang tidak bertanggungjawab dalam membina rumah yang senget, jambatan yang mudah roboh, tidak kukuh, dan lain-lain lagi. Di mana

kurangnya? Tentunya matlamat pengajian untuk aliran pendidikan Sastera itu tidak tercapai sepenuhnya iaitu melahirkan insan berperibadi tinggi dan berakhlaq mulia!

Ketiga, masih tentang keperluan sektor yang ingin dipenuhi oleh pemerintah. Jika mereka beranggapan sektor Sains dan profesional perlu dilebihkan maka tumpuan banyak dicurahkan ke arah itu maka aliran pendidikan Sastera mungkin sahaja terpinggir. Tetapi bukanlah ia tidak penting hanya kerana ramai pelajar tidak terarah kepada aliran pendidikan Sastera berbanding aliran pendidikan Sains dan Teknik. Ini membawa kesan kepada mereka yang mahir dalam bidang aliran Sastera mungkin akan berkurangan.

Namun, hal ini, kadang-kadang tidak menjadi realiti kerana aspek kemanusiaan dan ekonomi tidak dapat digambarkan realitinya. Seperti hari ini, tiba-tiba negara dilanda oleh manipulasi spekulator kewangan dan ekonomi negara merudum. Begitu juga dengan tiba-tiba keluar pekeliling bahawa guru-guru di Kelantan terpaksa ditempatkan ke negeri lain, walhal semasa dasar tersebut ditentukan didapati pada tahun 1998-2000, Kelantan akan mengalami kekurangan guru. Tetapi pada tahun 1999 ia ternyata sudah berlainan jadinya!

Keempat, lunjuran yang dianggarkan. Manusia boleh merancang tetapi Allah juga yang menentukan maka beberapa lunjuran dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu mereka ingin berapa ramai keluaran Sains, Teknik, Sastera, dan profesional. Maka, penekananan pendaftaran pelajar dalam aliran yang ditetapkan dibuat berdasarkan pelunjuran tadi. Maka berbondong-bondonglah keluaran pelajar pada tahun

yang ditetapkan. Jika perlunjuran itu menunjukkan perlu ramai keluaran aliran Sastera maka galakan dalam bidang tersebut akan dipupuk dan apabila tiba kematangannya mereka akan menjawat kerjaya dalam bidang aliran Sastera ini tetapi mungkin juga mereka melunjur sekadar pengajian aliran Sastera sahaja tetapi tidak dalam peluang kerjaya di waktu mereka lulus. Maka ini tidak mencapai matlamat aliran pendidikan Sastera kerana pelajar yang telah lulus tinggi jika tiada kerja maka wujud ciri-ciri kepincangan sosial akhirnya.

Kelima, bergantung kepada tawaran oleh pihak universiti iaitu Unit Pusat Universiti(UPU), Institut Pengajian Tinggi Awam(IPTA), dan Institut Pengajian Tinggi Swasta(IPTS). Jika tawaran dalam bidang aliran Sastera dibuka seluas-luasnya maka pelajar dapat merancang tentang kerjaya dan peluang ke universiti. Malah, hari ini tawaran ke universiti memang banyak dalam aliran Sastera berbanding dengan Sains. Lihat **Jadual 12** di bawah berkenaan dengan tawaran pengajian di universiti iaitu satu manifestasi antara Fakulti yang menawar kursus dan kerjaya yang akan mereka ceburi.

Jadual 12

Kedudukan Aliran Pendidikan Di Malaysia Dengan Realiti Kerjaya

Aliran Sastera

- (a) Guru/Pensyarah
- (b) Peguam
- (c) Pentadbir/Pegawai Kerajaan
- (d) Pengurus

Aliran Sains

- (a) Doktor(manusia dan haiwan)
- (b) Juruteknik/jurutera
- (c) Arkitek
- (d) Saintis(kimia, biologi, fizik)

- | | |
|------------------------------|------------------------|
| (e) Ahli ekonomi | (e) Juruanalisa Sistem |
| (f) Usahawan | (f) Ahli Politik |
| (g) Pelukis | (g) Guru |
| (h) Ahli politik | |
| (i) Akauntan | |
| (j) Imam/Qadhi | |
| (k) Penulis | |
| (l) Wartawan | |
| (m) Sasterawan | |
| (n) Penasihat kewangan | |
| (o) Ahli kaunseling | |
| (p) Pakar bahasa/penterjemah | |
| (q) Ahli diplomat | |
| (r) Ahli geologi | |
| (s) Juru ukur | |

Ternyata, peluang kerjaya itu terbuka luas untuk aliran pendidikan Sastera umpamanya dengan mendalami Kesusastraan Melayu sahaja para pelajar boleh sahaja menjadi penulis, wartawan, guru, pensyarah, karyawan, sasterawan, editor, penerbit buku/akhtar/majalah, pentadbir, pegawai kerajaan, juruacara, ahli politik, diplomat, ahli kaunselor, penyair, dramatis, dan berbagai-bagai lagi.

Malah, semua universiti sudah menetapkan ciri-ciri asas yang sama agar semua kemasukan ke universiti mesti lulus Bahasa Melayu, Sejarah/Geografi/Kesusasteran Melayu, dan Matematik. Hari ini satu dasar baru telah ditetapkan iaitu pelajar mesti menunjukkan bukti pernah menduduki Malaysian University Entrance Test(MUET) di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia(STPM) untuk memasuki ke universiti. Ini memberi kredit kepada pelajar ke universiti, jika tidak, mereka akan dibeban dengan pelajaran Bahasa Inggeris di universiti atau persaingan kemasukan ke universiti menjadi tinggi.

Kehendak Keluarga

Hal ini juga dapat dipecahkan kepada empat aspek iaitu cita-cita ibu bapa, cita-cita diri sendiri, minat dan kemampuan diri, dan keupayaan keluarga. Semua hal ini berkaitan.

Kadang-kadang ibu bapa kuat mengarah kita ke aliran Sains tetapi minat tiada dan akhirnya kecundang. Atau keupayaan keluarga kurang maka untuk ke kelas Sains ia harus ke kawasan-kawasan tertentu, menduduki asrama, dan perlu kos yang berterusan. Maka pelajar itu tidak dapat melanjutkan pelajaran ke aliran Sains atas faktor ekonomi keluarga. Kadang-kadang minat ibu bapa terus ke arah aliran Sastera contohnya menjadi guru atau wartawan atau penulis tetapi pelajar tidak berminat. Ini juga memudharatkan.

Jadi, empat aspek itu berkait, jika ramai ibu bapa ingin anak mereka ke aliran Sastera maka berbondong-bondonglah aliran ini mendapat tempat. Kita harus akur betapa

dalam umur 15 tahun atau sebaik lulus Penilaian Menengah Rendah(PMR), pelajar memang tidak berkemampuan menolak kehendak keluarga walau pun ia dibuat perbincangan terbuka atau daripada keluarga yang terbuka, akhirnya kehendak keluarga lebih kuat. Walau pun, kita juga akur, apabila mereka masuk ke Tingkatan 6, arah ini berubah kepada cita-cita sendiri tetapi setelah perjalanan yang ditimba sejak PMR lagi maka peratus perubahan itu agak kecil.

Maka aspek kehendak keluarga turut memainkan peranan penting bahawa masa hadapan aliran pendidikan Sastera dan kerjaya berkaitannya dapat dirumus ramai atau kecil.

Masa Hadapan Ekonomi Negara

Hal ini harus diterima oleh insan yang beragama kerana apa-apa yang akan datang kita tidak boleh meramalkannya. Empat tahun dulu kita meramal ekonomi Malaysia akan terus meningkat 7% setahun. Apa jadi hari ini? Ramai yang kecewa bukan setakat diri sendiri dan keluarga tetapi termasuk juga majikan syarikat tertentu dan kerajaan sendiri.

Hari ini ramai yang beranggapan bahawa apa pun terjadi dua kerjaya akan terus dicari ialah bidang ‘pendidikan’ dan ‘pemakanan’. Orang tetap mencari pendidikan dan orang tetap mencari makanan. Tetapi lain-lain ia seperti ‘yo-yo’ dan terumbang ambing. Walau apa pelunjuran di buat ia tetap tidak menentu. Jika dalam bidang itu diambil kira maka aliran pendidikan Sastera tetap terus subur.

Takdir memang kita tidak dapat menolak kecuali dengan doa. Harapan keluarga berkecaci kerana anak-anak yang penat-lelah belajar, harap dapat membantu keluarga, menjadi penganggur, maka kata keluarga tak guna ambil aliran ini dan itu? Semuanya bergantung kepada kesedaran pendidikan keluarga, keputusan yang bakal dibuat, keminatan, dan situasi yang mendatang. Namun, walau apa jua, ilmu itu perlu dan kerjaya guru ternyata tidak pernah kekang dan sentiasa diperlukan.

Rumusan

“Tepuk dada tanya selera”. Apa yang dibincangkan perihal aliran pendidikan Sastera khususnya bersandarkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan kerjaya yang berkaitan dengannya ternyata didasarkan timbal-balik oleh tiga faktor tadi. Ia ternyata saling kait-mengait dan kita tanyalah diri kita dan sistem pemerintahan yang kita restui, ya atau tidak? Namun demikian, antara pendidikan aliran Sastera dan Sains memang mempunyai perbezaannya malah banyak dapatan kajian yang kita perolehi terbukti dengan satu rumusan bahawa mata pelajaran dalam aliran Sastera adalah aktiviti-aktiviti yang mempunyai makna kepada si pelakunya seperti mata pelajaran Kesusasteraan Melayu itu sendiri sedangkan disiplin Sains memerlukan bukti yang empiri sebagai asas untuk ilmunya; namun apa yang pasti ia berbeda tetapi unik.(Amir Hassan Dawi, 1999:5-6).

Kita juga dapat merumuskan disamping akur bahawa ciptaan sastera adalah berbeza dengan ciptaan-ciptaan seni yang lain kerana ia menggunakan bahasa sebagai alat penyampaiannya. Melalui bahasalah keindahan kesusasteraan itu dapat dirasakan.

Dengan bahasa juga seseorang pembaca itu dapat menggarap isi dan tujuan serta dapat pula menghayati segala pengalaman dan perasaan yang tercurah. Sesebuah hasil kesusasteraan yang tinggi dan bermutu tidak sahaja akan memperkenalkan bahan atau menggunakan bahasa dengan olahan yang indah sahaja tetapi ia seharusnya juga memiliki unsur-unsur intelek, tersirat dengan emosi dan perasaan, penuh dengan ekspresi dan imaginasi serta kaya dengan sifat-sifat kreatif. Kita dapat merumuskan bahawa unsur-unsur intelek dalam sastera ini telah menjadikan karya itu bukan sahaja sebagai bahan hiburan semata-mata tetapi lebih penting lagi sebagai bahan untuk pembaca mendapatkan pengetahuan dan pendidikan. Fikiran-fikiran yang ditimbulkan di dalamnya terutama aspek-aspek yang berhubung dengan soal-soal moral, kemasyarakatan, ekonomi, dan politik, telah menjadikan kesusasteraan itu bahan renungan dan teladan kepada para pembaca.

Dapat juga kita rumuskan di sini, bahawa pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan dalam sistem pelajaran negara kita bukan lagi satu perkara baru. Sepatutnya, pengajaran dan pembelajaran sastera ini telah membentuk satu tradisi yang kukuh, mantap, dan boleh meninggalkan kesan yang baik kepada para pelajar. Tetapi apa yang berlaku sehingga kini ialah pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan di sekolah-sekolah tidak menampakkan satu kesudahan yang kukuh tetapi hambar. Sering diperhatikan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sastera ini tidak dilakukan secara serius. Walaupun sudah ada peruntukan-peruntukan yang lebih baik namun penekanan, minat guru, dan pelajar terhadapnya sungguh mengecewakan. Matlamat dan objektif pendidikan kesusasteraan yang sebenar sering didakwa tidak tercapai. Fungsinya

yang membawa aspek ketenangan dan kerehatan fikiran iaitu sebagai penghilang rasa penat lelah setelah bekerja sehari suntuk iaitu sebagai sumber hiburan sahaja yang tercapai. Fungsi lain seperti dapat memenuhi kepuasan-kepuasan intelektual melalui permainan-permainan fikiran dalam bentuk fantasi dan rekaan adalah gagal.

Kita juga dapat merumuskan bahawa, penilaian dalam Kesusteraan Melayu harus dirombak kerana penekanannya dalam domain afektif adalah terlalu ketara. Malah, matlamatnya juga untuk jangka masa yang panjang. Maka itu sudah sampai masanya kepercayaan diberikan kepada guru-guru di sekolah untuk menilai domain afektif ini kerana mereka sahaja mempunyai kayu ukur yang sesuai terhadap domain ini di sekolah; mana kala pihak MPM menilainya dari domain kognitif seperti peperiksaan STPM sekarang ini dengan merombak sama kurikulumnya iaitu mewajibkan satu kertas sahaja.

Kita harus berani mengambil langkah perubahan ke arah yang lebih baik kerana formula lama kita sering diremeh dan ditertawakan kerana gagal mencapai matlamat yang disuratkan. Kita tidak harus bermegah dengan menyatakan bahawa kita mengikut trend semasa dengan mengubah kandungan sukatan, format peperiksaan, kertas yang ditawarkan, teks-teks kajian yang bermutu, dan kurikulum yang bersesuaian dengan tahap tingkatan enam sebaliknya matlamat melahirkan insan yang berakhhlak mulia gagal. Malah, kita boleh dianggap kecundang kerana kurang jaya menarik minat sebilangan guru meminatinya dan sering pencinta sastera rasa terkilan kerana hari ini kita dapati ramai kalangan penduduk tidak lagi berbahasa secara halus, berhemah, penuh tersirat, dan lembut tetapi bercampur aduk dan menyakitkan telinga yang mendengarnya.

Kita harus mempunyai wawasan untuk ‘duduk sama rendah, berdiri sama tinggi’ dengan mata pelajaran lain. Janganlah kita merasa terpinggir dengan lulusan aliran Sastera atau malu mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Kita harus berani beranjak dan terus memberikan kepercayaan kepada guru-guru di sekolah menilai para pelajarnya. Berbagai-bagai kaedah boleh dilakukan, mungkin sebagai langkah awal dengan memberikan kepercayaan 40% di sekolah dan 60% oleh pihak MPM sendiri. 40% itu pula menyeluruh dalam domain afektif dan psikomotor manakala 60% dalam domain kognitif. Mungkin kaedah lain boleh dipertimbangkan. Satu jawatankuasa boleh ditubuhkan dalam aspek penilaian sedemikian supaya perancangan rapi dapat diadakan. Dengan hanya mewajibkan Kesusasteraan Melayu satu kertas, kita sudah mengurangkan omong-omongan, sistem pendidikan Malaysia hanya berorientasikan peperiksaan awam semata-mata! Mungkin sudah tiba masanya, MPM juga memikirkan mewajibkan hanya satu kertas bagi semua mata pelajarannya. Kertas-kertas lain dinilai berdasarkan di sekolah. Pelajar akan lebih seronok kerana praktik di sekolah di nilai oleh guru yang mengajarnya semula. Segala aktiviti memang berpusat di sekolah, kenapa tidak ia dinilai di sana? Dalam dunia berada di alaf baru dan ledakan matlumat canggih yang sukar di kawal, persaingan terhadap setiap mata pelajaran dan kurikulum yang ditawarkan memang berlaku. MPM harus maju terus dengan kurikulum yang menarik dan sistem penilaian yang mampu menarik sebilangan besar masyarakat mempercayai dan relevan dalam alaf ini.

Guru dan sekolah pula, harus diberikan kredit atas bebanan tambahan ini. Seperti mana MPM membayar hasil kerjasama pemeriksanya, semua guru yang menilai mata

pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM di peringkat sekolah, harus juga diberikan ganjarannya oleh MPM. Satu kaedah yang relevan boleh difikirkan, asal sahaja implementasinya sudah berjaya. ‘Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih’; jangan beban MPM dikurang, beban guru pula ditambah tanpa adanya sebarang sifat ‘orang berbudi kita hendaklah berbahasa’. Akhirnya, timbul pula cakap-cakap kononnya berbagai-bagai pihak ingin ‘melepaskan tangan’ mereka. Rasa terima kasih dan mengenang budi harus disemai dan jika MPM turut sama memainkan peranan dengan menghargai jasa guru dalam perjuangan mendidik anak bangsa Malaysia yang maju dan harmonis maka proses yang dicadangkan tadi boleh mencapai kejayaan. Secara tak langsung, nilai syukur dan terima kasih akan terhambur di setiap sudut pendidik kerana MPM turut mengangkat martabat guru-guru agung di Malaysia tanpa adanya rasa ini bukan tugas ‘aku’ dan ini hanya tugas ‘engkau’, ini bukan persoalan ‘aku’ dan ini hanya persoalan ‘engkau’ atau ini bukan isu ‘aku’ dan ini hanya isu ‘engkau’ dan sebagainya.

Ternyata berbagai-bagai rumusan yang di beri, hakikatnya apa yang lebih penting ialah sastera sebagai penyampai ilmu pengetahuan, sastera sebagai penyubur daya kreatif dan imaginatif, sastera sebagai alat menghidupkan semangat, sastera sebagai alat untuk menyerapkan nilai-nilai rasa dan sebagainya yang dipercayai dapat mendorongkan satu pembentukan peribadi yang halus dan mulia, serta mampu mengukir watak-watak manusia yang boleh berfikir dan bertindak secara dewasa perlu terus dipupuk, dibaja, dan dikembangkan. Maka itu, sastera dapat dilihat mempunyai berbagai-bagai fungsi yang tersirat dan untuk matlamat jangka panjang yang bersesuaian dengan bidangnya. Maka

itu, menurut Kamarudin Hj. Husin(1988), mata pelajaran sastera itu haruslah hidup subur dalam sistem pendidikan di negara kita.

Apa jua pun, realitinya hari ini, pendidikan aliran Sastera tetap terus utuh walau cabarannya dibadai kiri dan kanan oleh disiplin Sains dan Teknologi, disiplin *Multi-media Super Corridor* atau apa pun yang 'super', pendidikan aliran Sastera terus melunjur dengan keunikannya yang tersendiri kerana ia memberi makna yang besar ertiinya kepada si pelakunya sendiri khususnya dalam mata pelajaran Keusasteraan Melayu. Malah, ia telah membuktikan mempunyai peluang yang sebesar-besarnya baik dalam bidang pembelajaran mahu pun kerjaya yang berkaitan dengannya.